



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**13 OGOS 2021 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**13 OGOS 2021 (JUMAAT)**



**MINYAK** masak bungkusan polibeg satu kilogram diberikan subsidi oleh kerajaan. – GAMBAR HIASAN

KPDNHEP gantung lesen, tarik balik kuota

## 25 syarikat seleweng minyak masak, LPG

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 25 buah syarikat digantung dan ditarik balik kuota selepas terbabit dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan dan subsidi meliputi minyak masak dan gas petroleum cecair (LPG).

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa Operasi, Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Shamsul Nizam Khalil berkata, tindakan itu merupakan usaha komited pihaknya bagi membanteras penyelewengan serta ketirisan barang kawalan dan bersubsidi.

Selain itu, tindakan itu juga sebagai langkah pencegahan dan peringatan kepada syarikat pembungkus dan pemborong agar tidak terlibat dalam kes sama.

"KPDNHEP juga berjaya mem-

banteras beberapa aktiviti penyelewengan minyak masak dan LPG.

"Ya melibatkan sama ada pemindahan minyak masak bersubsidi paket polibeg satu kilogram (kg) ke botol 2 kg, 3 kg dan 5 kg atau pemindahan LPG bersubsidi daripada tong 14 kg ke tong kegunaan industri untuk dijual bagi mengaut keuntungan yang tinggi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, keglatan tidak bertanggungjawab itu memberi impak besar kepada bekalan barangan tersebut di pasaran untuk kegunaan rakyat negara ini.

"Pada masa sama, aktiviti ini turut menyebabkan kerajaan menanggung kerugian berjuta ringgit melibatkan peruntukan subsidi khususnya dalam usaha meringankan beban kos sara hidup rakyat," katanya.

Tegasnya, KPDNHEP memandang serius ke atas mana-mana syarikat yang terlibat aktiviti penyelewengan terutama yang diberi lesen dan kuota pembungkusan dan pembotolan barang kawalan dan subsidi.

Kesemua kesalahan disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Haram 2001.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda hasil aktiviti haram atau RM5 juta dan juga denda sehingga RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi syarikat pula, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM2 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.



Senarai Harga Barang Keperluan

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayam</li> </ul>	<p><b>RM6.59</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Daging Lembu Tempatan <b>RM34</b></li> <li>• Daging Lembu Import <b>RM19.99</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telur Gred A</li> <li>• Ikan Kembung</li> <li>• Minyak Masak</li> </ul>	<p><b>RM11.90</b></p> <p><b>RM9.59</b></p> <p><b>RM6.50</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gula Pasir</li> <li>• Bawang Besar Holland</li> <li>• Bawang Putih</li> </ul>	<p><b>RM2.85</b></p> <p><b>RM6.90</b></p> <p><b>RM6.90</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cili Merah</li> <li>• Kubis Bulat Tempatan</li> <li>• Tepung Gandum</li> </ul>	<p><b>RM9.90</b></p> <p><b>RM3.49</b></p> <p><b>RM2.25</b></p>
--	--	--	---	--	--	---	--

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP